



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


4 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,279 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **157,285 kes**. Sebanyak 55 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 12 kes di Tuaran, 10 kes di Kota Kinabalu, tujuh (7) kes di Tawau, enam (6) kes di Sandakan, empat (4) kes di Lahad Datu, tiga (3) kes di Penampang, Putatan, Keningau, Beluran dan Papar masing-masing mencatatkan dua (2) kes manakala satu (1) kes di Kuala Penyu, Kalabakan, Tenom, Kudat dan Kinabatangan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 1,943 menjadikan jumlah kumulatif 124,371 orang. Seramai 4,538 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,557 orang di hospital, 2,914 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 58 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 207 orang merangkumi 126 di ICU/*repurposed kritikal care* serta 81 di open ward (HDW/*kubikel akut*) dan 81 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5. Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Kes baharu COVID-19 Sabah hari ini susut sedikit iaitu (-125) kes kepada (2,279) kes berbanding (2,404) kes yang dicatatkan semalam (03 September 2021).
- b. Kota Kinabalu naik (+68) kes kepada (455) kes dan Sandakan naik (+104) kes. Kawasan perbandaran lain seperti Tuaran, Tawau dan Penampang turun jumlah kes baharu hari ini.
- c. Daripada (2,279) kes baharu hari ini, (1067) kes atau 46.8% adalah kes positif yang lewat didaftar antara 2 hingga 3 hari, (92) kes atau 4.0% adalah keputusan saringan yang didaftar lewat antara 4 hingga 5 hari dan (181) kes atau 7.9% adalah yang didaftar lewat melebihi 5 hari selepas keputusan ujian diketahui.
- d. Terdapat trend di mana jumlah Saringan Kontak Rapat menurun tetapi jumlah kes melalui Saringan Bergejala bertambah. Trend ini agak membimbangkan kerana ia satu petanda virus COVID-19 semakin berleluasa di kalangan masyarakat tanpa diketahui punca penyebaran. Hari ini peratusan Kontak Rapat turun kepada 54.3% atau (1,237) kes tetapi jumlah daripada Saringan Bergejala naik kepada 31.1% atau (708) kes. Saringan Kluster menyumbang (164) kes.
- e. Di Kota Kinabalu 40% daripada kes hari ini berpunca daripada Saringan Bergejala, Sandakan 28.6%, Tawau 42% dan Penampang 36.6%.
- f. Pesakit dalam Kategori 3, Kategori 4 dan Kategori 5 kekal dalam paras yang dianggap tinggi. Hari ini pesakit dalam Kategori 1, (626) kes atau 27.5%, Kategori 2, (1,527) kes atau 67.0%, Kategori 3, (20) kes, Kategori 4, (10) kes dan Kategori 5, sembilan (9) kes.
- g. Setakat 03 September 2021, 42.4% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi vaksin lengkap dan 61.1% memperolehi satu dos. Daerah Beaufort adalah daerah yang paling tinggi jumlah penduduk yang telah melengkapkan pengambilan vaksin iaitu 89.0%, diikuti oleh Kuala Penyu dengan 76.6%.

h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,237) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	164	7.20%
2	Bergejala	708	31.10%
3	Kontak	1,237	54.30%
4	Bersasar	9	0.40%
5	Lain-lain	161	7.10%
JUMLAH		2,279	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (03 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 03/09/2021	Catatan Kes 04/09/2021	Perbandingan
1	Sandakan	256	360	+104
2	Kota Kinabalu	387	455	+68
3	Kinabatangan	42	83	+41
4	Tambunan	6	26	+20
5	Kota Belud	63	81	+18
6	Tenom	50	62	+12
7	Kalabakan	13	24	+11
8	Kudat	34	44	+10
9	Nabawan	18	28	+10
10	Kunak	21	30	+9
11	Beluran	16	19	+3
12	Semporna	11	11	Kekal
13	Putatan	130	73	-57
14	Papar	167	111	-56
15	Penampang	173	123	-50
16	Telupid	82	32	-50
17	Lahad Datu	110	68	-42
18	Tawau	164	126	-38
19	Sipitang	45	13	-32
20	Tuaran	232	202	-30
21	Ranau	76	51	-25
22	Kota Marudu	91	72	-19
23	Pitas	66	50	-16
24	Beaufort	24	17	-7
25	Tongod	21	17	-4
26	Kuala Penyu	6	3	-3
27	Keningau	100	98	-2
JUMLAH		2,404	2,279	-125

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (21 Ogos – 03 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	255	182	0	18	455	7,745
Sandakan	106	72	103	9	70	360	3,318
Tuaran	0	156	37	0	9	202	3,079
Tawau	0	65	53	0	8	126	2,397
Penampang	0	77	45	0	1	123	3,553
Papar	0	76	28	0	7	111	2,360
Keningau	0	68	22	0	8	98	1,352
Kinabatangan	57	13	13	0	0	83	1,042
Kota Belud	0	55	26	0	0	81	1,091
Putatan	0	26	46	0	1	73	1,103
Kota Marudu	0	52	14	0	6	72	945
Lahad Datu	1	14	44	0	9	68	1,282
Tenom	0	45	16	0	1	62	500
Ranau	0	45	3	0	3	51	622
Pitas	0	42	7	0	1	50	526
Kudat	0	31	13	0	0	44	442
Telupid	0	30	2	0	0	32	629
Kunak	0	12	9	0	9	30	291
Nabawan	0	22	6	0	0	28	403
Tambunan	0	12	13	0	1	26	134
Kalabakan	0	20	4	0	0	24	278
Beluran	0	15	3	0	1	19	381
Beaufort	0	13	3	0	1	17	644
Tongod	0	13	4	0	0	17	437
Sipitang	0	6	7	0	0	13	535
Semporna	0	0	4	0	7	11	112
Kuala Penyu	0	2	1	0	0	3	96
JUMLAH	164	1,237	708	9	161	2,279	35,297

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Sandakan	Kluster Lebu Empat	3
	Kluster Semawang	103
Lahad Datu	Kluster Sawit Jeroco	1
Kinabatangan	Kluster Tangkuyan	57
JUMLAH		164

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Semawang - Sandakan** merupakan kluster tempat kerja yang melibatkan pekerja di sebuah kilang papan yang bekerja dan tinggal di kuarters premis tersebut. Pada 19 Ogos 2021, sebuah klinik swasta telah melaporkan 10 notifikasi kes positif COVID-19 kepada CPRC Sandakan. Kes indeks adalah pekerja lelaki, 40, bukan warganegara yang dikesan COVID-19 dengan keputusan RTK AG grading 100% dalam saringan pekerjaan. Pada 27 Ogos 2021, tiga (3) lagi kes baharu dikesan di lokaliti sama. Oleh itu, pengurus kilang telah membuat saringan terhadap 376 pekerja mulai 30 Ogos 2021 dan mendapati 103 orang pekerjaanya disahkan positif COVID-19 melalui kaedah ujian RTK AG. Setakat hari ini, kluster ini merekodkan 116 kes positif termasuk 103 kes baharu.

7 Jumlah kapasiti katil 7,256 unit

- Hospital 1,676 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,908 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 62.42%

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 04 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,251
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	9
Orang Dalam Tahanan /Banduan	18
Jumlah	2,279

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	5
Selangor	1
WP Kuala Lumpur	2
Johor	1
Jumlah	9

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
United Kingdom	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,025
Bukan Malaysia	254
Jumlah	2,279

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	648
Belum Menerima Vaksin	699
Menerima 1 Dos	278
Lengkap 2 Dos	654
Jumlah	2,279

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	29
1 to 5	152
6 to 17	467
18 to 59	1,428
>60	203
Jumlah	2,279

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 04 September 2021)
1	Tawau	22
2	Kota Kinabalu	12
3	Penampang	8
4	Ranau	8
5	Tuaran	7
6	Papar	5
7	Kinabatangan	4
8	Kudat	4
9	Putatan	4
10	Telupid	3
11	Kota Belud	3
12	Kota Marudu	3
13	Beaufort	2
14	Beluran	2
15	Lahad Datu	2
16	Keningau	1
17	Sandakan	1
18	Sipitang	1
19	Tongod	1
JUMLAH		93

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kota Kinabalu	6 September 2021	19 September 2021

E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kampung Padas, Kota Kinabalu	10 Ogos 2021	Ditamatkan pada 5 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (6 September 2021)
2.	Enam (6) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none">• Kampung Cenderamata 2 dan Kampung Cempaka• Kampung Inanam Laut• Kampung Bambangan, Inanam• Kampung Kelingau• Kampung Lapanan• Taman Kuala Menggatal	25 Ogos 2021	Ditamatkan pada 5 September 2021 lebih awal dari yang dijadualkan (7 September 2021)
3.	Taman Semarak Indah, Tawau	9 Ogos 2021	Ditamatkan pada 5 September 2021 seperti yang dijadualkan
4.	Kampung Tanjung Kapor, Kudat	9 Ogos 2021	Ditamatkan pada 5 September 2021 seperti yang dijadualkan

5	Empat (4) lokaliti di Tawau <ul style="list-style-type: none"> • Taman Thien Vun • Taman Victoria • Taman King Fook • Kampung Kurnia Batu 4 	23 Ogos 2021	Ditamatkan pada 5 September 2021 seperti yang dijadualkan
6	Dua (2) lokaliti di Beluran <ul style="list-style-type: none"> • Kampung Sulit Paitan • Kampung Matanggal Lama 	23 Ogos 2021	Ditamatkan pada 5 September 2021 seperti yang dijadualkan
7.	PPR Taman Mesra, Sandakan	23 Ogos 2021	Ditamatkan pada 5 September 2021 seperti yang dijadualkan

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **22,132** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,621,411 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **22,770** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,102,655 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 7,484 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 36,410 orang.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **513,659** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 153 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 32,724 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 109 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 24 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 12 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Tujuh (7) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Tiga (3) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 99 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 20 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,195 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 404 premis perniagaan dan 596 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Waznah Enterprise, Wisma Yakim. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

- 5 Rondaan Ajen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 267 Premis Perniagaan melibatkan 165 anggota APM. Terdapat 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.

- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 29 premis, melibatkan 14 buah BBP pada hari ini.

- 8 Sejumlah 145 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.

- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 143 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Penampang	96%
2	Papar	96%
3	Keningau	96%
4	Tuaran	96%
5	Sipitang	96%
6	Beluran	95.5%
7	Kota Belud	95.5%
8	Beaufort	95.5%
9	Kota Marudu	95.5%
10	Tenom	95.5%
11	Kunak	95%
12	Kota Kinabalu	95%
13	Kinabatangan	95%
14	Ranau	95%
15	Kudat	95%
16	Sandakan	95%
17	Tawau	95%
18	Semporna	95%
19	Lahad Datu	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**